

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA]

TARIKH : 5 DISEMBER 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 11

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status terkini permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Kementerian tentang cadangan pembinaan rumah pangsa Program Perumahan Rakyat (PPR) dan apakah dasar terkini Kerajaan terhadap pembinaan PPR baru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk pembinaan Program Perumahan Rakyat (PPR) telah diteliti dan dikemukakan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) untuk pertimbangan bagi projek baharu tahun 2020.
2. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bercadang untuk menjenamakan semula PPR kepada Program Perumahan Malaysia (PPM) selaras dengan Dasar Rumah Mampu Milik Negara (DRMM) yang telah dilancarkan pada 11 Mei 2019. Penjenamaan semula ini akan melibatkan cadangan mempertingkatkan keluasan lantai minima unit rumah daripada 700kps kepada 900kps.
3. Selain itu, melalui cadangan penjenamaan semula ini, harga jualan unit rumah PPM akan dinilai semula pada harga RM300,000 dan ke bawah. Ini adalah kerana pada masa ini, unit-unit PPR yang telah siap dijual dengan harga RM35,000 seunit di Semenanjung dan RM42,000 di Sabah dan Sarawak. Dalam hal ini, Kerajaan terpaksa menanggung penyediaan subsidi hampir mencecah RM150,000 bagi seunit rumah. Oleh yang demikian, KP KT berpandangan harga jualan tersebut perlu dinilai semula dan penyediaan subsidi yang tinggi di pihak Kerajaan adalah amat membebankan untuk jangka masa panjang.
4. Walaupun cadangan penjenamaan semula PPR ini akan melibatkan perbezaan harga rumah yang ketara, Kerajaan akan sedaya mampu menyediakan bantuan kepada golongan B40 untuk memiliki rumah melalui kaedah sewaan secara *Rent to Own* atau *end financing* tertentu yang sedang dalam peringkat rundingan antara KP KT dengan institusi kewangan. Sekian, terima kasih.